

Dakwaan Dr. M satu tuduhan liar

Um 13/9/2006

PUTRAJAYA 12 Sept. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menyifatkan dakwaan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai adanya unsur rasuah dalam pemilihan perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu ke perhimpunan agung parti November ini sebagai satu tuduhan liar.

Beliau berkata, sesiapa sahaja yang bertanding dan kalah boleh melontar sebarang dakwaan kononnya sebagai penyebab kekalahan tetapi pada masa sama memberi kesan tidak baik kepada pihak lain.

"Saya tidak fikir perwakilan sanggup merendahkan harga diri mereka dengan hanya menerima rasuah RM200 untuk tidak mengikut kehendak diri mereka (memilih calon bukan pilihan) dan ini satu penghinaan.

"Ini tidak betul. Ia juga boleh dilakukan oleh pihak yang kalah kerana dia tahu dia akan kalah, dia buatlah satu sampul, tetapi kalau sekadar tunjuk dan tidak mahu melapor, ia cuma tuduhan liar sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pertandingan akhir Pidato Pencegahan Rasuah Prauniversiti Peringkat Kebangsaan 2006 serta menyempurnakan majlis penyampaian hadiah di sini, hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir mendakwa berlaku rasuah dalam pemilihan di Kubang Pasu, Kedah Sabtu lalu serta terdapat ugutan kepada kakitangan kerajaan

supaya tidak menyokong beliau sebagai perwakilan.

Bekas Presiden UMNO itu juga mendakwa mempunyai bukti slip senarai pilihan calon yang didakwa diedarkan kepada perwakilan bahagian itu dengan disertakan wang tunai RM200.

Sambil menegaskan tidak ada sebarang unsur rasuah dalam pemilihan itu, Mohamed Nazri berkata, Dr. Mahathir perlu menerima kekalahan dengan terbuka dan tidak menuduh mana-mana pihak sebagai penyebab.

"Kalau sudah kalah, terima kekalahan itu. Tidak adil untuk menghina perwakilan Kubang Pasu seolah-olah mereka boleh dibayar dengan wang RM200 sahaja. Tidak perlu membuat tuduhan seperti itu kepada orang yang tidak bersalah," tambahnya.

Sementara itu, mengulas mengenai kod etika ahli Parlimen, Mohamed Nazri berkata, Kabinet telah memutuskan sebuah jawatankuasa ditubuhkan yang akan membawa usul itu di Dewan Rakyat pada Disember depan.

"Kabinet memutuskan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa pilihan selepas semua pembahasan berhubung Bajet 2007 diluluskan dan sayajangkakan ia dapat dibentangkan pada Disember ini dan akan dibahaskan pada tahun depan.

"Ini kerana kita bukan hanya membentangkan usul menamakan ahli-ahli sahaja tetapi bila dibentang nanti akan ada perbincangan. Oleh itu, kita terpaksa tunggu akhir tahun selepas bajet 2007 selesai," katanya.